

UCAPAN ALUAN
MAJLIS PERASMIAN KEJOHANAN SUKAN MUHIBBAH 4 PENJURU
Y.BHG. BRIG. JEN. PROF. DATUK SERI PANGLIMA
DR. KAMARUZAMAN BIN HJ. AMPON
26 MAC 2010

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih saudara/i Pengacara Majlis

Yang Berhormat Datuk Peter Pang En Yin
Timbalan Ketua Menteri
Merangkap Menteri Belia dan Sukan Negeri Sabah

Yang Berhormat Datuk Sukarti Wakiman
Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

Y.Bhg. Datuk Iliyas Ibrahim
Mayor
Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Y.Bhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Datu Khalil Datu Hj. Jamalul
Pengarah Yayasan Sabah

Yang Berusaha Encik Abdullah Hj. Mohd Said
Pendaftar Universiti Malaysia Sabah
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengelola
Kejohanan Sukan Muhibbah 4 Penjuru

Pegawai-Pegawai Utama UMS

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan

Pegawai-Pegawai Kanan dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah

Para kontinjen, hadirin dan hadirat sekalian

Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin-Nya dapat kita bertemu di Majlis Perasmian Kejohanan Sukan Muhibbah 4 Penjuru pada malam yang mulia ini. Pada kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan selamat datang kepada Yang Berhormat Datuk Peter Pang En Yin, Timbalan Ketua Menteri Sabah yang juga merangkap Menteri Belia dan Sukan Negeri Sabah atas kesudian untuk meluangkan masa bersama-sama dengan kita pada majlis ini. Saya bagi pihak UMS amat mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Datuk.

Syabas dan tahniah juga kepada Jawatankuasa Pengelola kerana bersedia menerima cabaran untuk menganjurkan Kejohanan ini dan menjadi tuan rumah. Pengelolaan ini adalah satu pengiktirafan di atas kebolehan dan kemampuan penganjur untuk mengurus serta mengendalikan satu acara sukan yang besar.

Y.B. Datuk, Tuan-tuan dan puan-puan,

Oleh kerana pesatnya perkembangan dan tumpuan terhadap agensi dan jabatan masing-masing, maka dirasai bahawa agensi dan jabatan ini dianggap mempunyai matlamat yang agak sama, iaitu memaju dan menggerakkan agensi dan jabatan masing-masing ke arah mencapai tingkat kualiti yang lebih tinggi agar dapat membekalkan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat. Selaras dengan itu agensi dan jabatan ini perlulah memperluaskan hubungan mereka dengan agensi dan jabatan yang lain. Jalinan hubungan melalui pelbagai aktiviti seharusnya akan menghasilkan kemesraan dan persefahaman antara agensi dan jabatan serta menjalinkan perasaan muhibbah dan perpaduan. Daripada hubungan yang kukuh ini, diharap akan dapat

menggembelngkan tenaga kerja antara agensi dan jabatan supaya lebih mudah untuk mencapai sesuatu tujuan dengan lebih berkesan.

Saya yakin Kejohanan sukan yang berlangsung kali ini mampu untuk memupuk semangat kerjasama serta setiakawan dalam suasana yang penuh muhibbah di kalangan kakitangan dan pegawai agensi-agensi dan jabatan yang turut serta. Kejohanan ini juga akan menjadi satu landasan penting para kakitangan dan pegawai agensi kerajaan yang terlibat untuk saling bermesra dan lebih mengenali antara satu sama lain. Sememangnya tujuan ini amat baik dan dialu-alukan kerana adalah penting bagi semua jabatan dan agensi-agensi ini dapat berfungsi sebagai sebuah pasukan yang mantap dan bersatu padu.

Sesungguhnya, kehadiran tuan-tuan dan puan-puan yang mewakili agensi dan jabatan masing-masing akan dapat menyemarakkan lagi semangat berpasukan seperti ini. Harus diingatkan bahawa tanpa kerjasama erat dan kesepaduan daripada semua agensi serta jabatan, segala program yang dirancang tidak akan berjaya mencapai matlamatnya.

Mungkin di penganjuran akan datang, kita juga boleh masukkan elemen-elemen sukan yang memerlukan penyertaan semua ahli keluarga. Marilah kita bersama-sama fikirkan bagaimana untuk memasukkan elemen kekeluargaan supaya kejohanan yang akan datang menjadi lebih meriah, menyeluruh dan bermakna.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kehadiran yang Berhormat Datuk Peter Pang atas ruang dan masa yang diberikan untuk bersama-sama dengan kita pada malam ini. Kehadiran Yang Berhormat sudah pastinya akan menyemarakkan lagi semangat para peserta yang bertanding sekaligus memeriahkan lagi kejohanan ini.

Kepada semua pegawai dan kakitangan awam yang mengambil bahagian gunalah kesempatan ini untuk saling berkenal-kenalan dan membina jalinan kerjasama erat.

Saya berdoa semoga Kejohanan Sukan ini akan berjalan dengan meriah dan sempurna berlandaskan semangat kesukanan yang tulen.

Selamat bertanding dan selamat maju jaya.

Sekian, terima kasih